



CHAI (dua dari kanan) ketika sidang media di Bandar Damai Perdana, Cheras. - Gambar NSTP/OWEE AH CHUN

Malang empat kali kedai kena rompak

Kejadian terbaharu Sabtu lalu 15 lelaki serbu kedai komputer

Oleh Raja Noraina Raja Rahim dan Anis Syuhada
am@hmetro.com.my

Kajang

Bukan sekali sebaliknya sudah empat kali kedai komputer di Bandar Damai Perdana di sini, dirompak sekumpulan penjenayah.

Penjenayah dikatakan pernah melepaskan tembakan dan hampir mencederakan pengawal keselamatan selain memusnahkan alat penggera dan pintu jeriji kedai sebelum melarikan barang berharga membabitkan kerugian ratusan ribu ringgit.

Meskipun berdepan kerugian yang besar dan nyawa terancam, pengurus kedai yang mahu dikenali sebagai Chai, 34, tiada pilihan



RAKAMAN video menunjukkan sekumpulan lelaki menyamun premis menjual peralatan komputer di Bandar Damai Perdana, Cheras, Kajang yang tular di media sosial.

untuk meneruskan perniagaan di kawasan itu demi kelangsungan hidupnya dan pekerja.

Menurutnya, kali pertama kedai dimasuki perompak pada 24 Ogos 2021 diikuti kali kedua pada 29 Di-

seMBER tahun sama.

Katanya, berdasarkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) mendapati sekumpulan lelaki memecahkan jeriji dan melarikan pelbagai barangan komputer pada waktu awal pagi.

“Selepas kejadian itu, kami terpaksa membaiki semula kerosakan berkenaan dan meneruskan perniagaan seperti biasa. Namun saya tidak sangka pula kejadian sama berulang pada tahun ini iaitu pada 23 Mac lalu.

“Berikutan itu, kami bimbang ia berulang lagi sebelum mengupah dua pengawal keselamatan untuk menjaga premis.

“Malangnya, kedai kami dirompak sekali lagi pada Sabtu lalu iaitu empat hari selepas kejadian kali ketiga. Sekumpulan 15 lelaki melakukan jenayah itu dan mengugut pengawal keselamatan dengan melepaskan tembakan,” katanya yang sudah membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Kajang dan Balai Polis Batu 9, Cheras.